

06/10/2001

PM ulangi pendirian sokong buru pegganas

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Negara yang sering menghadapi masalah keganasan perlu terbabit dalam perbincangan peringkat antarabangsa bagi mencari penyelesaian menanganinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang mencadangkan supaya mesyuarat berkenaan diusahakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mengulangi pendirian Malaysia yang menyokong tindakan memburu pegganas yang bertanggungjawab melakukan serangan di atas New York dan Washington 11 September lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak bersetuju tindakan Amerika Syarikat menyerang mana-mana negara.

"Kita bersetuju supaya diadakan satu mesyuarat antarabangsa mengenai pegganas. Sebaik-baiknya (mesyuarat ini) diadakan oleh PBB.

"Kalau kita tak dapat mengumpul semua negara pun, negara yang banyak terbabit dengan masalah ini perlu mengambil bahagian untuk menentukan apa dia pegganas, dan apa tindakan yang perlu diambil," katanya selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata, semua pemimpin 13 parti komponen menyokong penuh pendirian Malaysia setelah diberi penjelasan mengenai isu itu.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengemukakan sebarang cadangan baru apabila beliau bertemu Presiden Amerika, George W Bush sempena Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai pada 20 dan 21 Oktober ini, Perdana Menteri berkata:

"Taklah...kita kalau jumpa, kita bercakap mengenai soal pegganas ini. Apa dia (Bush) nak kata, apa yang saya nak kata, belumlah dapat kita tahu."

Dr Mahathir dan Presiden Amerika Syarikat itu dalam perbualan telefon baru-baru ini bersetuju membincangkan secara lanjut isu keganasan antarabangsa di Shanghai nanti.

Bush turut melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana sokongannya kepada tindakan Amerika terhadap keganasan.

Ditanya sama ada pemimpin Islam dunia perlu mengambil pendirian bersama berhubung keinginan Amerika menyerang Afghanistan, Dr Mahathir berkata, sesi luar biasa Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar 10 Oktober ini, mungkin berbuat demikian.

Tiga hari lalu, Presiden Iran, Mohammad Khatami turut menghubungi Dr Mahathir dan mahukan kalangan negara Islam menyatakan pendirian bersama bagi menentang keganasan selain tindakan dan penyelesaian secara global, dalam mesyuarat di Doha Rabu depan.

Dr Mahathir berkata, pada mesyuarat hari ini, kegiatan kumpulan militan tempatan turut dibincangkan dengan penjelasan diberi timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Timbalan Perdana Menteri menerangkan mengenai apa sebenarnya yang sedang berlaku dan ahli-ahli (pemimpin parti komponen) puas hati dengan cara kita menangani masalah pegganas dan mereka menyokong tindakan seperti memasukkan mereka dalam tahanan mengikut ISA," katanya.

(END)